

# Pencemaran dikaitkan punca kanser di Eropah

SINAR HARIAN 29/6/2022 Page 31

**COPEHAGEN** - Pencemaran alam sekitar dikaitkan lebih 10 peratus kes kanser di Eropah, menurut laporan Agensi Alam Sekitar (EEA) pada Selasa.

Katanya, kebanyakan kes itu boleh dicegah.

"Pendedahan terhadap pencemaran udara, bahan kimia karsinogenik, radon, radiasi ultra-unggu (UV) dan asap rokok akan menyumbang 10 peratus pe-

nyakit kanser di Eropah," kata agensi.

Tetapi, pakar EEA, Gerardo Sanchez berkata, semua risiko kanser akibat alam sekitar dan pekerjaan boleh dicegah atau dikurangkan.

"Kanser disebabkan alam sekitar akibat radiasi atau karsinogen kimia boleh dicegah sehingga paras terendah," katanya memberitahu wartawan hujung minggu lalu sebelum menyiarkan laporan

pertama agensi mengenai hubungan antara kanser dan alam sekitar.

Di Kesatuan Eropah (EU), kira-kira 2.17 juta orang didiagnosis dengan kanser setiap tahun dan 1.3 juta orang meninggal dunia akibat penyakit ini.

Tambahnya, selain sinaran UV, pendedahan asap rokok meningkatkan risiko kanser sehingga 16 peratus bagi mereka tidak menghisap rokok. - AFP